



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail:ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1)**  
**DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**11 Jun 2009**

Kementerian Kesihatan hari ini ingin memaklumkan bahawa terdapat dua(2) lagi kes Influenza A(H1N1) yang dikesan di Malaysia dan kedua-dua adalah kes import. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes Influenza A(H1N1) yang dikesan di Malaysia berjumlah 11 kes dan kesemuanya adalah kes import. Maklumat 2 kes baru yang dikesan adalah seperti berikut;

- a) Kes ke 10, adalah seorang pelajar perempuan warga Malaysia berumur 17 tahun yang telah pergi bercuti ke Melbourne dari 7 hingga 9 Jun 2009, bersama dengan anggota keluarganya. Beliau balik ke Malaysia dan sampai di KLIA pada jam 7.30petang pada 9 Jun 2009, melalui penerbangan terus MH148 (tempat duduk 14A) dari Melbourne. Semasa saringan di KLIA, beliau telah dikesan mempunyai demam melalui *thermo-scanner* dan melalui pemeriksaan semula beliau disahkan demam dengan suhu 38.5<sup>0</sup>C dan juga didapati mempunyai symptom batuk dan sakit tekak. Beliau telah terus dirujuk dan dimasukkan ke Hospital Sg. Buloh dan disahkan mengidap jangkitan influenza A(H1N1) pada jam 7petang 10Jun

2009 dan rawatan antiviral telah pun dimulakan. Kesemua ahli keluarga yang merupakan kontak terdekat kes telah dihubungi dan kini berada dalam keadaan stabil.

- b) Kes ke 11, merupakan seorang wanita warga negara Malaysia, berumur 41 tahun dari Seberang Jaya, Pulau Pinang. Beliau telah pergi ke Manila untuk berkursus mulai 31 Mei hingga 6 Jun 2009. Beliau balik ke Malaysia pada 6 Jun 2009 melalui penerbangan Singapore Airlines dengan transit di Singapura sebelum sampai di Pulau Pinang. Beliau mula selsema dan demam pada 9Jun 2009 dan dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang pada 10 Jun 2009. Beliau disahkan mengidap jangkitan Influenza A(H1N1) pada jam 9pagi, 11Jun 2009.

Pada masa ini hanya ada 4 kes yang terakhir yang masih lagi dalam rawatan di Hospital iaitu Hospital Sungai Buluh(1), Hospital Tuanku Jaafar, Seremban(1), dan Hospital Pulau Pinang(2). Kesemua 7 kes yang terdahulu yang telah tamat rawatan dan dikeluarkan daripada Hospital telah respons dengan baik kepada rawatan yang diberikan.

Kementerian Kesihatan Malaysia dengan ini sedang mengesan kesemua kontak termasuk krew penerbangan dan penumpang MH148 yang mendarat di KLIA pada jam 7.30 pm pada 9 Jun 2009 terutama penumpang yang duduk di baris 11 hingga 17. Selain dari itu, kontak bagi kes ke sebelas juga sedang dikesan termasuk menghubungi pihak Singapore Airlines bagi mendapatkan maklumat terperinci tentang penerbangan yang dinaikinya.

Selain dari kes di atas, sejumlah 29 notifikasi kes-kes yang mempunyai gejala-gejala jangkitan influenza setelah kembali dari negara yang terlibat dengan wabak influenza A(H1N1) telah diterima dari seluruh negara. Sejumlah lima belas (15) kes ini telah dimasukkan ke wad isolasi di

8 buah hospital rujukan influenza A(H1N1) bagi tujuan rawatan dan penyiasatan, manakala 16 dikenakan *home quarantine*. Dari 31 notifikasi, 24 adalah negatif terhadap influenza A(H1N1) dan 5 masih menunggu keputusan. Sehingga kini, jumlah terkumpul kes yang disiasat kerana mendapat simptom jangkitan influenza selepas melawat negara terlibat wabak influenza adalah sebanyak 584 kes di mana, 11 kes disahkan positif influenza A(H1N1), 568 disahkan negatif dan 5 masih menunggu keputusan.

Dalam tempoh 24 jam, 34 kontak telah tamat kuarantin dan 8 kontak baru dikesan. Keseluruhannya seramai 178 orang diletakkan di bawah *home quarantine* pada hari ini dan kesemua tiada menunjukkan gejala jangkitan influenza A(H1N1). Pecahan kontak yang sedang dikuarantin adalah 46 kontak kes ke empat dan ke lima, 130 kontak kes ke tujuh dan 2 kontak kes ke lapan. Sebanyak 46 kontak kes ke empat dan ke lima akan tamat kuarantin pada hari ini. Kementerian Kesihatan Malaysia masih lagi mengesan kontak-kontak lain termasuk penumpang penerbangan yang sama dengan kesemua kes tersebut termasuk kes baru.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan bahawa sehingga 11 Jun 2009, jam 8 pagi, jumlah terkumpul kes influenza A(H1N1) yang dilaporkan ke WHO adalah sebanyak 27,824 kes dengan 141 kematian daripada 74 negara, iaitu pertambahan sebanyak 2,238 kes dan 2 kematian. Terdapat pertambahan sebuah negara sahaja iaitu, Ukraine dengan 1 kes. Dua(2) kematian, adalah daripada Kanada(1) dan Chile(1). Pertambahan sebanyak 2,238 kes adalah daripada 44 negara dengan majoriti adalah daripada Chile (1,283), Kanada(331kes), dan United Kingdom(109 kes).

Sebagaimana yang dimaklumkan sebelum ini, dijangkakan ramai pelajar daripada Amerika Syarikat dan Eropah akan pulang untuk bercuti. Sehubungan dengan itu, aktiviti-aktiviti kawalan seperti

saringan di pintu masuk telah dipertingkatkan. Kementerian Kesihatan sekali lagi ingin menegaskan dan meminta kerjasama kepada semua pelajar-pelajar Malaysia dari luar negara yang ingin pulang bercuti sempena musim panas, untuk menanggukkan perjalanan pulang mereka sekiranya mereka mempunyai gejala-gejala jangkitan influenza. Mereka dinasihati agar mendapatkan rawatan terlebih dahulu sehingga sembuh sebelum pulang ke Malaysia. Mereka juga dikehendaki melaporkan diri kepada pasukan perubatan yang bertugas di lapangan terbang antarabangsa jika mereka tidak sihat. Bagi mereka yang telahpun pulang dan mempunyai gejala-gejala jangkitan influenza dalam masa 7 hari selepas tiba di Malaysia, diminta untuk segera ke klinik-klinik atau hospital untuk mendapatkan rawatan.

Bagi mengesan kontak kepada kesemua kes positif terbaru ini, Kementerian Kesihatan memohon kerjasama kepada penumpang, anak kapal dan kontak kepada kes untuk menghubungi KKM melalui talian 03-88810200 atau 03-88810300 untuk membolehkan kami memberikan nasihat kesihatan termasuk keperluan *home quarantine*.

Orang ramai dinasihati agar sentiasa mengikuti perkembangan situasi semasa penyakit ini dan mendapatkan maklumat yang terkini dan tepat dari Kementerian Kesihatan melalui laman web Kementerian Kesihatan iaitu <http://www.moh.gov.my> dan pengumuman KKM melalui media dari semasa ke semasa.

Sekian dan terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD. ISMAIL MERICAN**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 11 Jun 2009